

**Kerajaan Jamin Tidak Roboh Tempat Ibadat Haram - Raja Nong Chik
Bernama
29 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan tidak akan merobohkan tempat-tempat ibadat haram dengan sewenang-wenangnya bagi membolehkan setiap penganut agama dapat menjalankan aktiviti keagamaan, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Beliau berkata meskipun terdapat banyak tempat ibadat dibina secara haram namun ia bergantung kepada pemilik tanah untuk mendapatkan taraf sah untuk tanah itu.

"Sama ada tanah itu milik kerajaan atau swasta kita pasti ada perbincangan dan rundingan terlebih dahulu...kemudian kita pastikan mereka menyediakan kawasan pemindahan yang sesuai sekiranya mereka inginkan tanah itu.

"Bagaimanapun, proses ini memerlukan masa yang lama berikutan terdapat beberapa prosedur yang perlu dilalui oleh mereka, namun kerajaan sentiasa prihatin terhadap sensitiviti semua agama di negara ini" katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan surat kelulusan perizaban tanah kerajaan tujuan tapak Kuil Arulmigu Sri Ramalingeswarar di sini.

Kuil tersebut yang telah beroperasi lebih 100 tahun dirizabkan mengikut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara bagi tujuan tapak kuil di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan manakala tapak diurus tabir oleh jawatankuasa kuil itu.

Raja Nong Chik berkata tujuan perizaban tanah tersebut adalah bagi memastikan tapak tersebut sah dari sudut perancangan, diwartakan mengikut perundangan dan akan kekal kegunaan bagi tujuan rumah ibadat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642783>